

28 OCT 1997

Mahathir-Perdagangan

RANGKA KERJA DIPERLUKAN UNTUK TINGKATKAN PERDAGANGAN M'SIA-SLOVENIA

LJUBLJANA, 28 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa bagi satu rangka kerja perundangan yang bersesuaian dibentuk dalam tempoh beberapa bulan akan datang untuk menggalakkan kerjasama perdagangan serta ekonomi antara Malaysia dan Slovenia.

Beliau juga berkata pelbagai perjanjian yang sedang dirundingkan antara kedua-dua negara harus diselesaikan.

Semasa berucap pada jamuan rasmi anjuran rakan sejawatannya Dr Janez Drnovsek di sini pada Isnin malam, Dr Mahathir berkata beliau gembira lawatannya ke Slovenia bermula baik dengan penandatanganan perjanjian Perkhidmatan Udara antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir yang mengetuai rombongan 45 orang termasuk ahli perniagaan, tiba di sini dari Edinburgh pada Ahad malam untuk lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Perdana Menteri berkata beliau yakin dengan orientasi Slovenia yang mengarah ke luar, penggunaan meluas Bahasa Inggeris dan hasrat teguhnya untuk mengadakan kerjasama perdagangan dan ekonomi, wujud satu suasana baik bagi peningkatan kerjasama dua hala.

Dr Mahathir berkata sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia mempunyai minat yang khusus dalam Slovenia.

"Slovenia dari segi kedudukan geografi berada di persimpangan dalam Eropah Tenggara. Dari Lautan Adriatic yang merupakan antara laut yang paling mudah dimasuki bagi kami di Asia Tenggara, Slovenia menikmati akses yang baik ke daerah pedalaman Eropah Tengah.

"Ditambah pula dengan pandangan perdagangannya yang mengarah ke luar serta dasar ekonomi dan kewangannya yang imaginatif, Slovenia dilihat sebagai rakan perdagangan semulajadi Malaysia," katanya.

Dr Mahathir mengakui bahawa seperti Malaysia, Slovenia tidak membiarkan pasaran domestiknya yang kecil untuk menghalangnya daripada menjalankan projek-projek pengeluaran barangan modal dan pengguna secara besar-besaran.

Gelombang masa depan akan merupakan perdagangan yang bergerak dari kawasan-kawasan yang mengeluarkan barangan secara cekap dan murah kepada kawasan lain, katanya dan "dalam rejim baru perdagangan bebas ini, negara-negara seperti Malaysia dan Slovenia perlu mencari bidang mereka sendiri."

Mengenai Bosnia dan Herzegovina, Perdana Menteri menyatakan rasa kesalnya bahawa kaum Serb di Belgrade seolah-olah cenderung terhadap mengingkari apa jua yang dicapai oleh Perjanjian Damai Dayton bagi wilayah itu.

"Nampak seolah-olah hanya ancaman tindakbalas yang dapat memujuk Belgrade untuk berkelakuan dengan lebih bertanggungjawab," kata Dr Mahathir.

Beliau berharap bahawa Slovenia akan dapat memainkan peranan positif bagi mempengaruhi rakan-rakan negara Eropah terutama negara-negara yang lebih kuat, untuk menarik balik sekatan senjata di negara Balkan itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia mendapati bahawa berhentinya perang di Bosnia dan Herzegovina tidak cukup untuk memastikan masa depan negara itu.

"Negara itu perlu mencapai satu perdamaian yang tulen di kalangan pelbagai kumpulan etnik. Ia perlu membangunkan negaranya sendiri dan membawa balik rakyatnya yang telah mencari pekerjaan dan perlindungan di tempat lain."

"Mereka yang telah diusir harus dibenarkan pulang ke tempat asal mereka

tetapi proses pemulihan ini tidak berlaku berpunca daripada pelbagai sebab termasuk kedegilan Belgrade."

Dr Mahathir berkata Malaysia sedia bekerjasama dengan Slovenia untuk menyumbang kepada proses menjayakan pemulihan di Bosnia dan Herzegovina.

Katanya butiran mengenai apa yang boleh dilakukan bersama oleh kedua-dua negara itu boleh digariskan dalam perbincangan di pelbagai peringkat.

"Saya yakin bahawa kerjasama sedemikian akan meletakkan asas bagi perdamaian yang berpanjangan di wilayah ini," kata Perdana Menteri. --  
BERNAMA

ES RON